

Bahagian A ( 20 markah)

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Tempat ibadat penganut agama Hindu adalah di
  - a) masjid
  - b) gereja
  - c) kuil
  
2. Saya berasa \_\_\_\_\_ melihat rakan daripada kaum Kadazan menarikan tarian Sumazau pada Hari Kaamatan.
  - a) sedih
  - b) bangga
  - c) gembira
  
3. Apakah yang akan diperolehi jika seseorang itu suka menolong orang?
  - a) Mendapat balasan yang baik
  - b) Akan dibenci masyarakat
  - c) Merenggangkan hubungan antara masyarakat
  
4. Apakah perasaan kamu apabila kamu membantu orang lain?
  - a) Terpaksa
  - b) Membebaskan
  - c) Gembira
  
5. Apakah perasaan warga sekolah apabila dibantu oleh kamu?
  - a) Kecewa
  - b) Simpati
  - c) Gembira
  
6. Air paip di kantin kamu bocor, kamu patut \_\_\_\_\_
  - a) membiarkan sahaja
  - b) mengajak rakan- rakan membetulkan paip tersebut
  - c) segera memberitahu guru

7. Yang manakah BUKAN cara menghargai suumbangan warga sekolah?
- Mengucapkan terima kasih
  - Meminta bayaran setelah melakukan sesuatu
  - Memberikan hadiah
8. Penjaga lalu lintas membantu kamu melintas jalan. Apa yang patut lakukan?
- Berlalu pergi begitu sahaja
  - Mengucapkan terima kasih kepada penjaga lalulintas
  - Menolak pertolongan dari penjaga lalulintas
9. Apakah yang dimaksudkan dengan berhemah tinggi?
- Sikap berterima kasih
  - Menghormati masyarakat
  - Bersopan santun

10.



Apakah nilai yang boleh dikaitkan dengan gambar di atas?

- Bekerjasama
  - Berani
  - Baik hati
11. Yang berikut, yang manakah BUKAN contoh nilai hormat?
- Evryln selalu bersalam dengan guru dan rakan- rakan sekelasnya sebelum pulang ke rumah.
  - Maria suka meninggikan suara apabila bercakap dengan kawannya.
  - Murid- murid mengalu- alukan kedatangan ibu bapa ke majlis penyampaian hadiah sekolah.

12.



Kamu ternampak kawan kamu dibuli semasa di kantin.

Manakah yang TIDAK PATUT kamu lakukan?

- a) Segera memberitahu guru bertugas
- b) Memukul pembuli tersebut
- c) Memberitahu pengawas

Soalan 13 hingga 16

Pilih jawapan yang sesuai berkenaan perasaan mengikut situasi yang betul.

13. Tukang kebun memuji Fauzi kerana meminta maaf apabila terlanggarnya.

- a) Gembira
- b) Sedih

14. Murid- murid membuat bising semasa ketiadaan guru kerana bermesyuarat.

- a) Gembira
- b) Sedih


15. Mei Mei mengoyakkan buku di perpustakaan.

- a) Gembira
- b) Sedih

16. Guru memuji Razif yang selalu menyiapkan kerja rumah.

- a) Gembira
- b) Sedih

17.



Apakah yang harus dilakukan apabila kamu ternampak situasi tersebut?

- a) Menyertai mereka untuk ponteng
- b) Segera memberitahu guru dan pengawal.
- c) Memarahi mereka.

18. Bagaimanakah cara saya menyayangi sekolah?

- a) Membuang sampah merata- rata
- b) Melukis mural di dinding-dinding sekolah
- c) Merosakkan tanaman di kebun sekolah.

19. Saya akan \_\_\_\_\_.

- a) menyuruh rakan menyiapkan latihan yang diberikan oleh guru di dalam kelas.
- b) memotong barisan semasa membeli makanan di kantin sekolah pada waktu rehat.
- c) Memadamkan suis komputer sebelum keluar dari makmal komputer.

20. Pelawat berasa \_\_\_\_\_ apabila melihat murid- murid mengucapkan salam apabila berjumpa dengannya.

- a) malu
- b) prihatin
- c) gembira

Bahagian B ( 10 markah )


Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

Harmoni	Insan	berdisiplin	kejayaan	menuntut
gembira	merapatkan	penyayang	disayangi	membahagikan

1. Kita harus memupuk sikap \_\_\_\_\_ dalam kalangan warga sekolah.
2. Membentuk modal \_\_\_\_\_ yang penyayang dan bertanggungjawab.
3. \_\_\_\_\_ hubungan antara warga sekolah.
4. Warga sekolah yang adil akan melahirkan sekolah yang \_\_\_\_\_.
5. Apabila saya \_\_\_\_\_ tugas kumpulan dengan adil, kawan- kawan  
suka akan saya.
6. Sekolah merupakan tempat \_\_\_\_\_ ilmu untuk melahirkan murid  
menjadi insan yang cemerlang.
7. Mendidik murid supaya \_\_\_\_\_ dan patuh kepada peraturan sekolah.
8. Menaikkan imej sekolah dengan \_\_\_\_\_ dalam bidang akademik dan  
kokurikulum.
9. Saya berasa \_\_\_\_\_ apabila bersikap jujur dengan warga sekolah.
10. Guru yang jujur dan adil akan \_\_\_\_\_ oleh murid.

Bahagian C ( 10 markah)

Padankan gambar dengan pernyataan yang betul.



Kita haruslah menggunakan laluan yang betul untuk melintas

Memupuk nilai sayang akan sekolah dengan mengadakan gotong royong untuk menceriakan kelas.


Mengadakan jamuan makan untuk mengeratkan hubungan harmoni antara masyarakat.

Sentiasa meminta maaf dan memohon restu dari ibu bapa tanda menghargai jasa mereka.

Segera memberi pertolongan kepada orang yang memerlukan

Bahagian D ( 10 markah )

Isikan tempat kosong dengan kelebihan bekerjasama antara warga sekolah.



Disediakan oleh,

(Muhd Nazmi Zuhaili )

Disemak oleh,

( Anis bt Mohd Yusoff )  
Ketua Panitia Moral

Disahkan oleh,

( )